

# **KONSEP KESEJAGATAN DALAM PENTERJEMAHAN KATA BUDAYA**

## ***(UNIVERSALISM CONCEPT IN CULTURAL WORDS TRANSLATION)***

Wan Halizawati Wan Mahmood  
Puteri Roslina Abdul Wahid  
Lawrence Nathaniel Ross  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

### **Abstrak**

Penterjemahan secara umumnya dikaitkan dengan proses memindahkan satu bahasa kepada bahasa yang lain. Walau bagaimanapun, pendefinisian konsep terjemahan sebegini perlu dilihat dari perspektif yang lebih luas lagi. Hal ini demikian kerana terjemahan bukan sahaja menterjemah bahasa tetapi juga menterjemah keseluruhan alam, iaitu budaya, norma, pemikiran, ideologi, persepsi, cara hidup, dan banyak lagi. Kajian ini menganalisis konsep kesejagatan dari sudut domestikasi dan kesamaan fungsian dalam penterjemahan kata budaya dengan mengambil sampel kategori kata budaya bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu daripada sumber dalam talian Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Kategori kata budaya disesuaikan daripada pengkelasan yang dikategorikan oleh Newmark (1988), manakala konsep domestikasi dalam penterjemahan mengguna pakai gagasan teori strategi domestikasi oleh Venuti (1995), dan akhir sekali kesamaan fungsian dalam penterjemahan didasarkan daripada Nida (1964), iaitu kesamaan dinamik atau fungsian - makna asal yang diterjemahkan mampu membawa makna sasaran yang memiliki impak, kesan dan semangat yang sama terhadap pembaca sasaran. Bagi tujuan kajian ini, batasan kata budaya terdiri daripada empat kategori sahaja iaitu adat kepercayaan, bahasa, material, dan

sosial yang disesuaikan daripada pengkelasan Newmark. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep kesejagatan wujud untuk memberikan nafas tempatan (domestikasi) dalam penterjemahan kata budaya bahasa Inggeris ke dalam kata budaya bahasa Melayu, sama ada dari segi ketersediaan penterjemahan satu lawan satu yang bersifat kesamaan dinamik atau fungsian sejadi yang terdekat, atau kesamaan perkataan daripada kelas kata yang sama. Perkara ini sudah tentu merapatkan lagi kelompangan makna penterjemahan budaya yang sering dihadapi oleh penterjemah. Akhir sekali, kajian ini diharap dapat dikembangkan lagi untuk melihat kesejagatan yang berlaku dalam penterjemahan kata budaya daripada kategori-kategori yang lain.

**Kata kunci:** Budaya, kesejagatan, domestikasi, kesamaan fungsian, penterjemahan.

### *Abstract*

*Translation is generally associated with the process of rendering one language into another. Nevertheless, such a definition needs to be understood from a broader sense. The reason for this is that translation does not merely transfer the language, rather it renders the whole universe - culture, norms, thoughts, ideologies, perceptions, ways of life, and a whole lot more. This study analyzes the concept of universalism in terms of domesticating cultural words by sampling English cultural words translated into Malay that were extracted from online Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Cultural words categorization was adapted from the classification of Newmark (1988) while the concept of domestication in translation adopted domestication strategy by Venuti (1995), and finally functional equivalence in translation was based on Nida's theory (1964) referring to the translation of the source meaning that conveys similar impact and spirit on the target audience. For the purpose of this study, four categories of cultural words which were adapted from the Newmark's classification were investigated: language, material, social, and norms/beliefs. The findings of the study revealed that the universalism concept of adding local flavour (domestication) to the translated text does exist in the translation of English cultural words into Malay, either as regards the availability of one-to-one translation of the closest natural functional equivalence, or the equivalence of words of similar class. This will certainly*

*bridge the disparity of the meanings in which the translators have always encountered. Finally, it is hoped that this study will be further expanded into looking at the universalism in the translation of cultural words of other categories.*

**Keywords:** *Culture, universalism, domestication, functional equivalence, translation.*

## **Pengenalan**

Hakikat bahawa penterjemahan merupakan salah satu cara komunikasi paling berkesan terutama dalam menyampaikan unsur budaya dan norma masyarakat yang berbeza bahasa antara satu sama lain memang tidak dapat dinafikan. Penterjemahan menjadi satu konsep penyaluran maklumat sejak beratus tahun dahulu yang menuntut segala kepakaran dan kemahiran seseorang yang bergelar penterjemah. Keadaan ini ditekankan lagi dengan wujudnya kepelbagaian dan perbezaan bahasa, adat, budaya dan pandangan hidup, lalu menuntut suatu keperluan adanya individu atau kumpulan yang dapat berkongsi kerencaman cara hidup sesuatu masyarakat kepada orang yang di luar lingkungan kehidupan masyarakat tersebut. Atas pertimbangan ini, penterjemahan menjadi satu ilmu yang sering mencabar minda dan intelek penterjemah yang menuntut kemahiran dan kesepaduan mereka dalam penguasaan bahasa, linguistik, dan budaya.

Elemen budaya turut menjadi sebahagian pertimbangan pengetahuan dan kemahiran yang sangat penting dalam melakukan kerja-kerja penterjemahan juga dan menjadi kebimbangan besar bagi mereka yang terlibat dalam kerja-kerja penterjemahan. Kebimbangan ini adalah berasas memandangkan dalam dunia terjemahan, wujud istilah ‘ketidakbolehterjemahan’ yang sudah bertapak sejak tahun 1965 lagi, terutama yang melibatkan penterjemahan kata budaya. Menurut Catford (1965), ketidakbolehterjemahan berlaku dalam dua keadaan; ketidakbolehterjemahan bahasa yang berpunca daripada perbezaan bahasa sumber dan bahasa sasaran, manakala ketidakbolehterjemahan budaya adalah disebabkan oleh ketiadaan ciri-ciri sesuatu konsep budaya tersebut dalam bahasa sasaran.

Selain itu, rujukan daripada Aixelà (1996) yang mengkaji perkaitan konsep budaya dengan penterjemahan menjelaskan bahawa entiti budaya ialah sifat linguistik yang seringkali mendatangkan kekangan dan masalah dalam penterjemahan memandangkan wujudnya perbezaan dalam pemahaman tentang budaya.

Oleh itu, bukan satu tugas yang mudah bagi penterjemah untuk mencari dan menggantikan kesesuaian budaya dalam hasil terjemahannya agar dapat difahami dengan mudah oleh pembaca sasaran. Hal ini demikian kerana konsep budaya terlalu luas untuk diperincikan secara khusus memandangkan hal ini merujuk kepada pelbagai aspek kehidupan seharian seperti pendidikan, politik, sejarah, seni, kesusasteraan, falsafah, institusi, sistem perundangan, unit pengukuran, nama tempat, makanan dan minuman, sukan, hiburan dan banyak lagi rangkumannya.

Atas pertimbangan sebegini, sangat penting bagi penterjemah untuk memiliki asas dan pengetahuan lebih daripada satu bahasa selain mesti mampu meneroka dan mengkaji sejarah, kesusasteraan, rujukan budaya dan entiti-entiti sosial yang berbeza itu. Tambahan pula, penerokaan ilmu tentang konsep kesejagatan dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan kehidupan manusia akan banyak membantu membuka jurang perbezaannya. Begitu banyak kata rujukan budaya yang wujud dalam tamadun bangsa di dunia ini sebenarnya dapat dikongsi atau diterokai oleh semua manusia kerana banyak konsepnya yang bersifat sejagat atau global.

Kajian ini menjurus kepada konsep kesejagatan berpandukan strategi domestikasi yang dapat membantu penterjemah dalam meraikan budaya-budaya berbeza yang wujud seantero dunia. Dengan kata lain, kesejagatan dalam penterjemahan merapatkan lagi jurang sosiobudaya masyarakat dunia yang penuh dengan kepelbagaian dan kerencaman pemahaman, norma, ideologi dan pemikiran masyarakatnya. Hal ini didasarkan atas pendirian Chesterman (2006) yang melihat terjemahan sebagai wadah untuk berkongsi sesetengah ciri linguistik tanpa mengira pasangan bahasa atau jenis teks yang diterjemahkan.

Atas justifikasi ini, kajian yang dilakukan ini secara khususnya akan membolehkan pembaca mengetahui sama ada padanan terjemahan itu sesuai atau tidak sesuai serta menunjukkan atau tidak menunjukkan elemen kesejagatan kepada penerima sasaran. Tambahan lagi, kajian ini juga akan memperlihatkan kewujudan konsep kesejagatan dari sudut penggunaan 'nafas' tempatan (domestikasi) dalam penterjemahan kata budaya bahasa Inggeris ke dalam kata budaya bahasa Melayu, iaitu sama ada dari segi ketersediaan penterjemahan satu lawan satu yang bersifat kesamaan dinamik atau fungsian sejadi yang terdekat, selain melihat elemen kesejagatan dalam penterjemahan kata budaya bagi kategori bahasa dalam kelas kata yang sama.

Akhir sekali, kajian ini melihat teori kesamaan dinamik atau fungsian dalam penterjemahan yang digagaskan oleh Nida (1964) yang menyentuh aspek kesamaan (*equivalence*), iaitu kesamaan dinamik yang merujuk kepada makna asal yang diterjemahkan itu mampu membawa makna sasaran yang memiliki impak, kesan dan semangat yang sama ke atas pembaca sasaran. Dengan lebih jelas, pembaca sasaran benar-benar memahami mesej atau makna yang dibawa dalam teks sumber. Nida percaya bahawa semua bahasa di dunia ini mempunyai kemampuan untuk menzahirkan sesuatu. Perkara yang diperkatakan dalam bahasa A semestinya dapat juga dizahirkan dalam bahasa B mengikut kesesuaian penerimaan konsep kata tersebut.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa kajian ini tidak bertujuan untuk menidakkan kesesuaian padanan terjemahan yang dikeluarkan oleh sumber dalam talian ini kerana mandat untuk mengesahkan ketepatan istilah terjemahan tetap dipegang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini cuma melihat kesesuaian padanan terjemahan yang menyuntik elemen kesejagatan melalui strategi domestikasi dan kaedah fungsian sejadi yang terdekat dalam kata budaya yang dipilih.

### **Sorotan Kajian Lepas**

Catford (1965) menjelaskan bahawa bahasa ialah perlakuan yang dicorakkan oleh penuturnya. Bahasa memiliki ciri-ciri yang boleh

menghasilkan ujaran sama yang mengikut corak umum yang sama. Lantaran itu, dapat dikatakan bahawa teks bahasa Melayu yang ada maknanya dalam bahasa Melayu akan mempunyai persamaan dengan teks bahasa Inggeris yang memiliki makna bahasa Inggerisnya.

Sandrini (2006) memfokuskan elemen kesejagatan yang menjadikan seseorang berminat untuk mengenali budaya lain dalam pelbagai aspek. Beliau melihat terjemahan dan kesejagatan itu saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam sesetengah keadaan juga, kata budaya boleh bersifat sejagat. Hal ini bermakna kata budaya memiliki rasa dan konsep yang sama dalam banyak bahasa yang berbeza dan dinyatakan pula dalam bentuk yang berbeza. Beliau juga mengkaji kesejagatan yang wujud dalam aspek undang-undang dan bahasa undang-undang iaitu dari segi pemiawaian dan penghomogenan (*standardization and homogenization*) undang-undang dan peristilahannya.

Chesterman (2006) berpendapat bahawa terjemahan sebenarnya berkongsi sesetengah ciri linguistik tanpa mengira pasangan bahasa atau jenis teks yang diterjemahkan. Beliau berpandangan bahawa kesejagatan dalam penterjemahan mungkin wujud jika konsepnya memiliki bentuk rumpun yang fleksibel dan pengkonseptualannya hampir berkait rapat antara satu bahasa dengan bahasa yang lain.

Chesterman (2014) selanjutnya mengulas bahawa ciri kesejagatan dalam tipologi bahasa adalah bertujuan untuk mewujudkan generalisasi terhadap struktur bahasa yang selama ini mengekang kognitif manusia. Beliau juga menjelaskan bahawa sehingga kini hampir 7,000 bahasa telah dikaji dari segi ciri-ciri kesejagatannya, yang memperlihatkan kebanyakannya memang memiliki ciri kesejagatan manakala yang lainnya cenderung mempunyai ciri kesejagatan dari segi bentuknya. Akhir sekali, Chesterman merumuskan bahawa kesejagatan berfungsi untuk mencari corak dan generalisasi yang membantu kajian empirik secara umum.

Dalam konteks Malaysia, kajian tentang konsep kesejagatan dalam penterjemahan masih belum diterokai, apatah lagi dalam perkaitan kesejagatan dengan penterjemahan kata budaya. Justeru itu, kajian ini

diharap dapat menjadi perintis awal dalam penyelidikan tentang kesejagatan dari perspektif penterjemahan di negara ini.

## **Objektif**

Kajian ini dijalankan atas pertimbangan tujuan-tujuan berikut:

1. Menganalisis kesejagatan dalam penterjemahan empat golongan kata budaya Inggeris ke dalam bahasa Melayu dari perspektif strategi domestikasi.
2. Melihat kaedah kesamaan fungsian sejadi yang terdekat dalam penterjemahan kata budaya kategori bahasa yang mengekalkan kelas kata yang sama.

Kajian ini adalah untuk menganalisis kata budaya Inggeris yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu daripada sumber dalam talian Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia iaitu dari sudut kewujudan elemen kesejagatan antara kedua-dua versi. Dari sini, pengkaji dapat mengetahui sama ada padanan terjemahan itu sesuai atau tidak sesuai serta menunjukkan atau tidak menunjukkan elemen kesejagatan kepada penerima sasaran.

Penyelidikan ini berdasarkan hipotesis pengkaji sendiri bahawa sesetengah konsep kata budaya bahasa Inggeris memiliki kecenderungan asimilasi dalam bahasa Melayu melangkaui nuansa luar pengalaman sosial dan budaya bahasa sumber tersebut melalui penterjemahan yang menggunakan strategi domestikasi, dan juga melihat elemen kesejagatan dalam penterjemahan kata budaya bagi kategori bahasa dalam kelas kata yang sama. Justeru itu, kajian konsep kata budaya Inggeris untuk kategori adat kepercayaan, bahasa, material, dan sosial ini sebenarnya dapat mengungkapkannya penjelmaan yang sama dalam bahasa Melayu melalui dua kaedah terjemahan yang dinyatakan.

Walau bagaimanapun, penting ditegaskan sekali lagi bahawa kajian ini tidak bertujuan untuk menidakkan kesesuaian padanan terjemahan yang dikeluarkan oleh sumber dalam talian ini kerana mandat untuk mengesahkan ketepatan istilah terjemahan tetap

dipegang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebaliknya, kajian ini cuma melihat kesesuaian padanan terjemahan yang menyuntik elemen kesejagatan melalui strategi domestikasi dan kaedah fungsian sejadi yang terdekat yang memindahkan maksud asal secara terjemahan satu lawan satu dan pengejalan kelas kata yang sama dalam elemen budaya kategori bahasa yang dikaji. Pada akhirnya, pengkaji juga turut mencadangkan kesesuaian istilah terjemahan yang disuntik elemen kesejagatan tersebut.

## **Batasan**

Pengkelasan kata budaya bagi tujuan kajian ini mengguna pakai empat kategori sahaja: adat kepercayaan, bahasa, material, dan sosial yang berdasarkan pembahagian kata budaya oleh Newmark (1988), iaitu ekologi, material, sosial, adat/konsep, serta gerak isyarat/tabiat (*gesture and habit*). Pengkaji memilih empat kategori sahaja kerana berpendapat bahawa kategori-kategori ini signifikan dan saling berkait rapat dengan kehidupan harian masyarakat Melayu di Malaysia jika dibandingkan dengan darjah signifikan kategori ekologi dan gerak isyarat/tabiat dalam kehidupan harian mereka.

Selain itu, pemilihan data kajian terbatas pada kata budaya dan padanan terjemahan yang diperolehi daripada sumber Dewan Bahasa dan Pustaka atas pertimbangan bahawa salah satu falsafah penting badan ini dalam hal-hal berkaitan dengan bahasa adalah untuk membina dan memperkaya bahasa Melayu dalam semua bidang selain membentuk istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa tersebut agar tidak terlalu bergantung pada istilah asing (<http://lamanweb.dbp.gov.my>). Akhir sekali, kajian ini terbatas pada konteks kata budaya Melayu mengikut penggunaannya di Malaysia, selain batasan terhadap pasangan bahasa Inggeris-Melayu sahaja.

## **Definisi Operasional**

### **Budaya**

Newmark (1988) mendefinisikan budaya dari sudut bahasa dan penterjemahan, iaitu sebagai suatu cara hidup dan manifestasi yang



tidak sama bagi komuniti tertentu yang menggunakan bahasa tertentu sebagai wadah penzahirannya. Pengkategorian kata budaya oleh Newmark menjadi salah satu kerangka teori dalam kajian ini iaitu ekologi (flora, fauna, angin, tanah dataran, dan lain-lain); material (makanan, pakaian, rumah, bandar, pengangkutan, dan lain-lain); sosial (pekerjaan, kegiatan masa lapang, dan lain-lain); adat, aktiviti, konsep (politik, perundangan, keagamaan, nilai kepercayaan, artistik, dan lain-lain); dan yang terakhir ialah gerak isyarat dan perlakuan). Vermeer (2000) menjelaskan bahawa budaya ialah “seluruh penetapan norma dan kebiasaan anggota masyarakat agar dapat menjadi sama seperti semua orang atau dapat berbeza daripada semua orang.

### **Kesejagatan**

Brown (1991) menyatakan kesejagatan manusia sebagai ciri-ciri budaya, masyarakat, bahasa, perlakuan, jiwa dan apa-apa sahaja. Ratusan kategori kesejagatan manusia telah dikaji dan dikenal pasti oleh Brown yang dikumpul daripada segenap lapisan dan jenis manusia dari segi sejarah dan etnografinya.

### **Domestikasi**

Domestikasi ialah satu istilah yang merujuk kepada strategi dalam penterjemahan yang mencipta sesebuah teks terjemahan itu agar sangat dekat dan semula jadi dengan pembaca sasaran serta mematuhi budaya bahasa sasaran, yang mungkin juga akan menyebabkan kehilangan makna asalnya semata-mata untuk tujuan pemahaman golongan sasaran.

### **Kesamaan Fungsian**

Kesamaan fungsian ialah istilah yang merujuk kepada makna asal yang diterjemahkan itu mampu membawa makna sasaran yang memiliki impak, kesan dan semangat yang sama ke atas pembaca sasaran. Dengan kata mudah, pembaca sasaran benar-benar memahami mesej atau makna yang dibawa dalam teks sumber memandangkan ada bahasa di dunia mempunyai kemampuan untuk menjelmakan sesuatu hal atau perkara atau peristiwa dalam bahasa yang satu lagi.

## Metodologi

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menumpukan empat kategori kata budaya, iaitu aspek-aspek adat dan kepercayaan (dengan tumpuan pada peristiwa dan ritual), bahasa (dengan tumpuan pada pepatah dan peribahasa), material (dengan tumpuan pada makanan), dan sosial (dengan tumpuan pada aktiviti). Kata budaya tersebut berupa istilah yang dihasilkan daripada kaedah terjemahan literal, terjemahan satu lawan satu dan melalui konsep dan praktis yang sama tetapi menggunakan nama berbeza mengikut ciri linguistik sesebuah negara.

Sebanyak 20 data kata budaya Inggeris daripada empat kategori tersebut telah diambil daripada Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia di <http://prpm.dbp.gov.my/cari1>. Padanan terjemahan kata budaya dalam bahasa Melayu diambil daripada segmen kamus bahasa Inggeris, istilah bahasa Melayu, istilah MABBIM dan khidmat nasihat yang disediakan dalam sumber tersebut.

Kemudian data dianalisis untuk mengetahui sama ada setiap kata budaya Inggeris itu dijelmakan dengan cara kesejagatan ke bahasa Melayu melalui strategi domestikasi atau melalui kaedah terjemahan satu lawan satu. Dari sini, pengkaji dapat mengetahui sama ada padanan terjemahan itu sesuai atau tidak sesuai serta menunjukkan atau tidak menunjukkan elemen kesejagatan kepada penerima sasaran. Seterusnya, data ini juga dianalisis secara perbandingan pasangan bahasa Inggeris-Melayu bagi kelas kata budaya kategori bahasa untuk melihat elemen kesejagatan yang disuntik dalam penterjemahan peribahasa yang dipilih. Contoh, konsep “*mother’s boy*” atau padanan bahasa Melayunya “anak emak” memiliki kesejagatan dari segi pengekalan kelas kata yang sama iaitu kata nama (*mother/emak*) + kata nama (*boy/anak* (lelaki)).

Akhir sekali, setiap data ditandakan secara khusus mengikut turutan abjad aspek budaya yang dikaji dan juga status kata sama ada perkataan sumber atau perkataan sasaran (sumber: Inggeris; terjemahan: Melayu). Contoh, [As1] = data budaya adat sumber 1, [At1] = data budaya adat terjemahan 1, [Bs3] = data budaya bahasa

sumber 3, [Bt3] = data budaya bahasa terjemahan 3 [Ms5] = data budaya material sumber 5, [Mt5] = data budaya material terjemahan 5, [Ss7] = data budaya sosial sumber 7, dan seterusnya.

## **Perbincangan**

Latar atau persekitaran budaya merupakan elemen sifat yang ada pada setiap negara dan masyarakat di dunia. Ada budaya masyarakat yang saling berkait rapat dengan budaya masyarakat yang lain, manakala ada yang begitu asing dan jauh pertautannya. Keadaan inilah yang sebenarnya menuntut satu tugas untuk menyebarkan sebanyak mungkin kepelbagaian budaya dunia, dan salah satu tugas itu adalah melalui aktiviti penterjemahan.

## **Kesejagatan Budaya**

Terjemahan sebenarnya melibatkan transposisi pemikiran yang asalnya diungkapkan dalam bahasa A oleh satu kelompok sosial ke dalam ungkapan yang sesuai dalam bahasa B oleh kelompok satu lagi yang merangkumi proses penyahkodan, pengkodan semula dan pengkodan budaya. Maka, tujuan dan pencirian terjemahan itu sendiri perlulah meraikan dan mendekatkan perbezaan pemahaman dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan budaya, dan salah satu langkah terbaik adalah melalui penterjemahan yang melihat kata budaya itu sebagai satu kesejagatan yang dapat menjelmakan semula ke dalam bahasa sasaran melalui strategi domestikasi atau melalui kaedah terjemahan satu lawan satu.

Untuk pemahaman lebih mendalam tentang pengaruh strategi dan kaedah penterjemahan dalam mensejagatkan kata budaya bagi bahasa-bahasa yang berbeza di dunia, pengkaji memberikan contoh aspek sosial yang dikemukakan ini. Permainan tradisi kanak-kanak, iaitu ‘main kejar-kejar’ dan ‘Nenek Nenek si Bongkok Tiga’ sebenarnya mempunyai konsep dan praktis yang sejagat, iaitu pemraktikkannya adalah sama di seluruh dunia, cuma yang membezakannya ialah penggunaan nama atau istilahnya sahaja, iaitu bergantung pada masyarakat sesebuah negara. Apabila menterjemahkan perkataan ‘main

kejar-kejar' ke dalam bahasa Inggeris mahupun ke dalam mana-mana bahasa di dunia, penterjemah seharusnya sudah bersedia dengan ketersediaan istilah sasaran yang disimpan dalam kotak fikiran mereka kerana konsep dan praktis perkataan ini sememangnya wujud dalam budaya Inggeris atau dalam sesetengah bahasa lain di dunia. Sebagai contoh, istilah "*tag*" dalam bahasa Inggeris atau sebutan-sebutan lain seperti "*corre que te pillo*" dan "*pilla pilla*", iaitu bergantung pada penggunaan di kawasan-kawasan dunia barat yang lain semuanya merujuk kepada kesamaan padanan untuk permainan 'main kejar-kejar'.

Begitu juga halnya dengan permainan tradisi 'Nenek Nenek si Bongkok Tiga' yang mempunyai sejarah yang lama, iaitu versi permainan ini dimainkan semenjak zaman Greek Kuno lagi yang dikenali sebagai '*copper mosquito*'. Permainan ini memiliki kesamaan dinamik atau fungsian sejadi yang terdekat dengan permainan kanak-kanak di Barat, iaitu '*Blind man's Bluff*'.

Tradisi lisan seperti cerita-cerita tradisi Barat, contohnya "Cinderella" juga mempunyai persamaan jalan cerita yang boleh diterjemah ke dalam bahasa Melayu sebagai "Bawang Putih Bawang Merah". Jika Yunani mempunyai "Hercules", maka Melayu juga memiliki *Herculesnya* sendiri iaitu "Badang". Hal yang sama juga berlaku dalam cerita dongeng China "*Tiger Grand Aunt*" yang berkongsi ciri-ciri yang serupa dengan cerita dongeng Eropah "*Little Red Ridinghood*".

Ciri kesejagatan juga dapat ditemui dalam nyanyian ucap selamat hari jadi dari segi lirik dan irama atau melodinya dalam kebanyakan bahasa di dunia. Lirik asalnya "*Good Morning to All*" gubahan Patty Hill dan Mildred J. Hill pada tahun 1893 ([www.nbcnews.com](http://www.nbcnews.com)) itu dinyanyikan untuk versi ucap selamat "Happy Birthday to You" dalam situasi atau latar Inggeris, "Selamat Hari Jadi" dalam versi bahasa Melayu, "zhù nǐ shēng rì kuài lè" pula dalam versi Mandarin dan banyak lagi bahasa dunia yang lain seperti bahasa Melayu Indonesia (Panjang Umurnya), bahasa Itali (*Tanti auguri a te*), bahasa Jerman (*Zum Geburtstag Viel Gluck*) dan lain-lain.

Dari aspek material, contohnya makanan tradisi Malaysia iaitu dodol juga memiliki ciri-ciri persamaan sejagat dengan makanan tradisi Sri Lanka dan Myanmar, iaitu “*mont kalama*”, manakala versi masyarakat Cina pula dikenali sebagai ‘*nian gao*’.

Pertimbangan sebegini akan diketengahkan dalam kajian ini untuk mencari dan meraikan perbezaan serta mencipta konsep atau rujukan yang tidak pernah wujud sebelum ini dalam ruang lingkup kehidupan setiap masyarakat di dunia. Berpegang pada pendefinisian Nida iaitu semua bahasa di dunia ini mempunyai kemampuan untuk menzahirkan sesuatu, maka kajian ini akan menganalisis pemilihan padanan terjemahan dalam sumber dalam talian Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia sama ada dapat menjelmakan konsep kata tersebut mengikut nafas tempatan bahasa Melayu.

(i) **Kata Budaya: Adat/kepercayaan**

Sumber (Eng.)	Terjemahan (Mel.)
[As1] Amen	[At1] Amin
[As2] <i>Hello</i>	[At2] Hello
[As3] <i>Hi</i>	[As3] Hai
[As4] <i>fairy lights (Christmas)</i>	[At4] lampu kelap-kelip
[As5] seventh Heaven	[At5] syurga ke tujuh

Adat ialah peraturan sosial yang mengandungi kod etika dan moral yang berlandaskan nilai-nilai sosial atau kepercayaan konvensional sesebuah masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2010). ‘Kepercayaan’ dalam konteks kajian ini pula dilihat daripada perspektif antropologi dan etimologi iaitu sistem pegangan atau doktrin budaya manusia terutama yang berkaitan dengan asal usul, nilai, dan adat resam (Kuklick, 2009). Dalam konteks kajian ini, kategori adat/kepercayaan yang dianalisis ialah berkaitan dengan peristiwa dan ritual.

[As1] ‘Amen’ dalam konteks ritual keagamaan ialah perlakuan mengaminkan atau menyetujui doa dalam agama Kristian, dan juga

dalam [At1] 'Amin' dalam agama Islam. Maka, padanan satu lawan satu ini adalah bersifat persamaan dalam kedua-dua ritual barat dan Melayu (Islam).

[As2] dan [At2] 'hello' dalam konteks kebiasaan menjawab panggilan telefon ialah padanan kata budaya untuk banyak bahasa di dunia, termasuk dalam adat kebiasaan menjawab telefon dalam budaya barat. Hal ini turut berlaku dalam cara menjawab telefon dalam kalangan orang Melayu di Malaysia. Malah, dalam carian yang diperolehi daripada segmen Khidmat Nasihat dalam sumber dalam talian Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk perkataan 'hello', pengkaji mendapati bahawa banyak soalan yang diajukan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dimulakan dengan perkataan 'hello' yang jelas memperlihatkan fungsi kata tersebut melangkaui adat menjawab telefon iaitu digunakan juga untuk memulakan perbualan dan bertanyakan soalan.

[As3] 'Hi' dan [At3] 'Hai' dalam konteks kata seru bahasa Inggeris dan bahasa Melayu memiliki persamaan melalui penterjemahan satu lawan satu. Kedua-dua kata seru ini juga digunakan bagi tujuan dan situasi yang sama iaitu kebiasaan seseorang dalam menegur atau memulakan perbualan.

Dalam carian yang diperolehi daripada segmen Khidmat Nasihat dalam sumber dalam talian Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk perkataan 'hi' dan padanan 'hai' pula, pengkaji mendapati banyak soalan yang diajukan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dimulakan sama ada dengan perkataan 'hi' atau 'hai' sebagai satu bentuk kata ucapan dan untuk menarik perhatian orang yang menerima soalan tersebut.

Keadaan yang sama juga disahkan melalui rujukan tiga kamus besar bahasa Inggeris, iaitu *Collins English Dictionary*, *Oxford English Dictionary*, dan *Dictionary by Merriam-Webster* yang menjelaskan fungsi penggunaan 'hi' sebagai satu bentuk kata ucapan dan untuk menarik perhatian.

Demikian juga halnya dengan [As4] *'fairy lights (Christmas)'* dan [At4] 'lampu kelap-kelip' sebagai persamaan adat sambutan perayaan hari Krismas dan sambutan Hari Raya di Malaysia, iaitu rumah-rumah banyak dihiasi dengan lampu berkelip-kelip, sama ada dihiasi pada pokok Krismas oleh masyarakat Kristian atau dihiasi pada ruang hadapan di luar rumah oleh masyarakat Melayu di Malaysia untuk memberikan suasana keserian dan kegembiraan kepada orang yang meraikan sambutan perayaan masing-masing. Strategi domestikasi digunakan dalam penterjemahan *'fairy lights (Christmas)'* kepada 'lampu kelap-kelip', atau boleh juga disebut 'lampu kelip-kelip' yang menyuntik elemen tempatan dan imbauan pengalaman zaman kanak-kanak.

Daripada perspektif keagamaan, [As5] *'seventh heaven'* dan [At5] 'syurga ketujuh' masing-masing mempunyai padanan satu lawan satu berkaitan dengan persamaan kepercayaan orang barat Kristian dan Yahudi (Collins, 2000) dan orang Melayu (Islam) tentang adanya lapisan-lapisan syurga.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa lima kata budaya kategori adat kepercayaan di atas memiliki elemen kesejagatan sama ada melalui strategi memberikan nafas tempatan atau domestikasi kepada padanan terjemahannya, atau melalui ketersediaan padanan satu lawan satu. Kedua-dua versi kata budaya kategori ini menanggapi konsep dan pengamalan yang sama walaupun berbeza bahasa dan budaya.

#### (ii) **Kata Budaya: Bahasa**

*Kamus Dewan* Edisi ke-4 mendefinisikan 'bahasa' sebagai 'sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran'. Bromley (1992) pula berpendapat bahawa bahasa sebagai sistem simbol yang teratur untuk memindahkan berbagai-bagai idea dan maklumat yang terdiri daripada simbol-simbol visual mahupun verbal. Melihat dari perspektif bidang terjemahan, kepelbagaian bahasa dan perbezaan budaya yang wujud di dunia telah menuntut keperluan penting untuk memindahkan maklumat dan pengetahuan supaya dapat

dikongsi dengan semua lapisan masyarakat. Jelas sekali bahawa bahasa dan budaya memiliki pertautan yang sangat rapat dengan bidang penterjemahan dan perlu diberikan pertimbangan paling utama semasa melakukan kerja-kerja penterjemahan.

Dalam konteks kajian ini, kategori bahasa yang dianalisis adalah berkaitan dengan peribahasa.

Sumber (Eng.)	Terjemahan (Mel.)
[Bs1] <i>Where there's a will, there's a way</i>	[Bt1] Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
[Bs2] <i>The pot calls the kettle black</i>	[Bt2] Kata periuk belanga hitam
[Bs3] <i>The pen is mightier than the sword</i>	[Bt3] Mata pena lebih tajam daripada mata pedang
[Bs4] <i>A wolf in sheep's clothing</i>	[Bt4] Musang berbulu ayam
[Bs5] <i>Empty vessels make the most noise</i>	[Bt5] Tin kosong nyaring bunyinya

## Analisis

[Bs1] '*Where there's a will, there's a way*' ialah peribahasa bahasa sumber yang menggunakan kaedah terjemahan literal menjadi [Bt1] 'Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan'. Hal ini dikatakan terjemahan literal kerana bentuk dan struktur [Bs1] ialah hasil pemindahan secara satu lawan satu dengan [Bt1]. Contoh: *Where* [Di mana] + *there's* [ada] + *a will* [kemahuan], *there's* [di situ ada] + *a way* [jalan]. Fungsi teks juga mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya jenis peribahasa dan berunsurkan nasihat. Kelas kata juga sama iaitu kata nama '*will*' diterjemahkan menjadi kata nama 'kemahuan', manakala kata nama '*way*' ditukar menjadi kata nama 'jalan'. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua versi peribahasa ini menanggapi konsep yang sama walaupun berbeza bahasa dan budaya.

[Bs2] '*The pot calls the kettle black*' juga diterjemahkan satu lawan satu dan menggunakan kaedah fungsian sejadi yang terdekat serta memiliki kelas kata yang sama dengan [Bt2] 'Kata periuk belanga



hitam'. "Pot" dipindahkan secara literal berdasarkan bidang makna yang membawa maksud "periuk". Namun, "kettle" pula bukanlah "belanga" sebaliknya "cerek". Walau bagaimanapun, kelas kata *pot* - periuk dan *kettle* - belanga" juga sama kerana tergolong dalam kata nama tak hidup dan juga merujuk kepada fungsi alatan memasak.

[Bs3] '*The pen is mightier than the sword*' diterjemahkan secara literal dengan padanan satu lawan satu bagi perkataan 'pen' dan 'sword', lalu membentuk keseluruhan makna peribahasa bahasa Melayunya [Bt3] 'Mata pena lebih tajam daripada mata pedang'. Perkara ini diijelaskan melalui penerangan berikut:

"pen=mata pena" + '--ier' = kata perbandingan (lebih) + kata adjektif *mighty* = tajam + kata nama *sword* = pedang

Walaupun bagaimanapun, perkataan "*mighty*" (berkuasa/ kuat) telah diterjemahkan sebagai "tajam" dalam peribahasa Melayu. Namun, pengkaji optimis bahawa bidang makna kedua-dua kata adjektif ini hampir sama jika difikirkan dalam konteks dunia penulisan yang mengiktiraf 'kehebatan sebatang pen'.

[Bs4] '*A wolf in sheep's clothing*' juga diterjemahkan satu lawan satu dan memiliki kelas kata yang sama dengan [Bt4] 'Musang berbulu ayam', iaitu kata nama haiwan. "Wolf" (serigala) yang dipindahkan sebagai "musang" (fox) masih di bawah kelas kata yang sama manakala "*clothing*" diterjemahkan secara kesamaan fungsian dalam peribahasa tersebut iaitu "berbulu" (sesuatu yang berfungsi menutup kulit atau badan dalam konteks haiwan) yang boleh disamakan dengan "pakaian" jika dalam konteks manusia.

Walaupun tidak banyak strategi domestikasi digunakan dalam perbandingan kata budaya bahasa (peribahasa) dalam analisis di atas, namun perbincangan masih menjurus pada kebolehfahaman pembaca sasaran (penutur bahasa Melayu) dalam memahami makna terjemahan yang diserap unsur-unsur tempatan atau domestikasi seperti 'wolf' ditukar menjadi 'musang' kerana haiwan 'serigala' itu sendiri jarang dikaitkan dengan suasana budaya Melayu, manakala 'sheep' (biri-biri)

ditukar menjadi nafas budaya kampung tradisional yang lebih banyak membela ayam walaupun ada juga menjadikan biri-biri sebagai haiwan ternakan, tetapi kekerapannya tidak sebanyak membela ayam atau kambing atau lembu.

[Bs5] ‘*Empty vessels make the most noise*’ diterjemahkan secara satu lawan satu dan memiliki kelas kata yang sama dengan [Bt5] ‘Tin kosong nyaring bunyinya’. Penjelasan bagi situasi ini adalah seperti berikut:

Kata adjektif *empty* = kosong + kata nama *vessels* = bekas +  
kata nama *noise* = kata adjektif nyaring

Berdasarkan keterangan di atas, kesamaan kelas kata nama yang sama diikuti oleh kesamaan fungsian bagi perkataan ‘noise’ yang memberikan ‘bunyi yang nyaring’ jelas memperlihatkan persamaan dalam menanggapi konsep, fungsi dan makna peribahasa kedua-dua versi ini.

Secara rumusannya, dapat disimpulkan bahawa lima peribahasa di atas memiliki elemen kesejagatan sama ada melalui strategi memberikan nafas tempatan atau domestikasi kepada padanan terjemahannya, atau melalui ketersediaan padanan satu lawan satu dan menghasilkan fungsi sejadi yang terdekat. Kedua-dua versi peribahasa di atas menanggapi konsep dan fungsian yang sama walaupun berbeza bahasa dan budaya.

### (iii) Kata Budaya: Material

Sumber (Eng.)	Terjemahan (Mel.)
[Ms1] <i>floss</i>	[Mt1] bebenang halus / [Mt1*] serunding
[Ms2] <i>pancake</i>	[Mt2] penkek
[Ms3] <i>sponge cake</i>	[Mt3] kek span
[Ms4] <i>fruit salad</i>	[Mt4] salad buah-buahan
[Ms5] <i>French fries</i>	[Mt5] jejari kentang

*Kamus Merriam-Webster* mendefinisikan ‘material’ sebagai ‘bahan yang daripadanya dapat menghasilkan sesuatu benda lain pula’, atau ‘benda atau peralatan untuk melakukan sesuatu’. Dalam konteks kajian ini, kategori material yang dianalisis ialah berkaitan dengan makanan. Hal ini demikian kerana rujukan makna bagi nama makanan atau minuman memiliki nilai estetik yang tinggi dalam konteks bidang terjemahan. Makanan seakan menjadi satu tanda pengenalan sesuatu budaya atau masyarakat di dunia. Tidak hairanlah jika strategi domestikasi biasanya digunakan dalam menterjemah makanan atau minuman kerana dilihat dapat menambahkan ‘perisa’ tempatan dalam teks yang diterjemahkan.

Data kajian [Ms1] ‘floss’ sebenarnya bertujuan untuk menganalisis makanan ‘*meat floss*’. Walau bagaimanapun, sumber dalam talian hanya memberikan padanan terjemahan [Mt1] ‘bebenang halus’ yang merujuk makanan yang berbentuk uraian benang-benang halus. Atas sebab ketiadaan konsep ‘*meat floss*’ dan ‘*chicken floss*’ dalam sumber talian tersebut, pengkaji mencadangkan penambahan kosa kata baharu untuk dipertimbangkan oleh pihak berkenaan. Hal ini demikian kerana konsep makanan ‘*meat floss*’ dan ‘*chicken floss*’ bukan sahaja terkenal di rantau Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei, malah [Mt1\*] ‘serunding (daging)’ dan ‘serunding (ayam)’ cukup terkenal dalam kalangan rakyat China, Taiwan dan Nigeria ([www.thetravel.com](http://www.thetravel.com)). Justeru itu, perlu ada data kosa kata tambahan dalam sumber talian tersebut dalam meraikan kesejagatan [Ms1] ‘floss’ ini.

[Ms2] ‘pancake’ diterjemahkan secara literal menjadi [Mt2] ‘penkek’. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa ‘penkek’ tidak berada dekat dengan persekitaran masyarakat sasaran walaupun mungkin dilihat memiliki elemen kesejagatan kerana dipinjam terus daripada perkataan sumber. Oleh sebab itu, ‘penkek’ perlu diberikan nafas tempatan melalui strategi domestikasi menjadi ‘lempeng’ atau ‘kuih apam bakar’ supaya konsep dan ciri fizikal ‘pancake’ mampu ditanggapi oleh bahasa-bahasa lain di dunia termasuklah bahasa Melayu. Tambahan pula ciri-ciri fizikal *pancake* menyamai ‘lempeng’ dan ‘kuih apam bakar’ iaitu bahan adunan yang hampir sama, berbentuk bulat, dibakar, dan berwarna keperangan selepas dibakar.

[Ms3] '*sponge cake*' diterjemahkan secara satu lawan satu menjadi [Mt3] 'kek span'. Walaupun penggunaan 'kek span' diterima oleh pengguna bahasa ibunda dan tidak pula menjadi kesalahan untuk menerima padanan tersebut serta memiliki elemen kesejagatan kerana dipinjam terus daripada perkataan sumber, namun ia terhad pada persekitaran komuniti bandar sahaja, manakala aura 'kek span' tidak begitu dekat dengan komuniti di kampung termasuk warga tuanya. Oleh sebab itu, 'kek span' perlu juga diberikan nafas tempatan melalui strategi domestikasi menjadi 'bahulu' atau 'kuih bahulu' atas pertimbangan bahawa ciri-ciri fizikal '*sponge cake*' menyamai 'kuih bahulu' biasa atau 'kuih bahulu' pandan, iaitu dari segi bahan adunan, dibakar, dan berwarna kekuningan/keperangan atau kehijauan selepas dibakar. Hal ini ditambah pula dengan ciri fizikal 'kuih bahulu' itu sendiri yang berkonsep seperti 'kek' atas sebab ciri dan teksturnya gebu seperti kek dan rasanya juga seperti kek.

[Ms4] '*fruit salad*' diterjemahkan secara literal menjadi [Mt4] 'salad buah-buahan'. Walaupun penggunaan 'salad buah-buahan' diterima oleh pengguna bahasa ibunda dan tidak pula menjadi kesalahan untuk menerima padanan tersebut serta memiliki elemen kesejagatan kerana dipinjam terus daripada perkataan sumber, namun ia terhad pada persekitaran komuniti bandar sahaja, manakala aura 'salad buah-buahan' tidak begitu dekat dengan komuniti di kampung. Oleh sebab itu, 'salad buah-buahan' perlu juga diberikan nafas tempatan melalui strategi domestikasi menjadi 'rojak buah' atas pertimbangan bahawa ciri-ciri fizikal '*fruit salad*' menyamai 'rojak buah', iaitu dari segi campuran buah-buahan, dimakan mentah dan boleh juga dimakan dengan mayones (untuk '*fruit salad*' dan salad buah-buahan) atau kuah rojak (untuk rojak buah).

[Ms5] 'French fries' diberikan padanan fungsian sejadi yang terdekat sebagai [Mt5] 'jejar kentang'. Seperti analisis di atas juga, penggunaan 'jejar kentang' sudah diterima oleh pengguna bahasa ibunda, malah masyarakat di Malaysia kini lebih gemar mensejagatkan namanya sebagai '*fries*' sahaja semasa memesan snek tersebut di restoran makanan segera. Walaupun begitu, pengkaji berpendapat bahawa aura tempatan lebih pantas menanggapi 'ubi keledak' yang menjadi

tanaman tradisi di kebanyakan tempat di Malaysia berbanding dengan ‘ubi kentang’ yang bukan identiti asal masyarakat Melayu Malaysia. Maka, boleh juga ‘French fries’ diberikan nafas tempatan menjadi ‘keledek goreng’. Walau apapun keadaannya, kedua-duanya dihidangkan secara digoreng dan tergolong dalam spesis yang sama, iaitu ‘ubi’.

Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa kelima-lima makanan di atas memiliki elemen kesejagatan kerana mempunyai ciri fizikal dan penyediaannya adalah hampir sama di seluruh dunia, cuma yang membezakannya ialah penggunaan nama atau istilahnya sahaja, iaitu bergantung pada masyarakat sasaran di sesebuah negara.

#### (iv) Kata Budaya: Sosial

Sumber (Eng.)	Terjemahan (Mel.)
[Ss1] <i>five stones/jack stones</i>	[St1] batu seremban
[Ss2] <i>hopscotch</i>	[St2] permainan ketingting/main teng-teng
[Ss3] <i>rock-paper-scissors</i>	[St3] oo som / one two som
[Ss4] <i>What's the time Mr Wolf? / What time is it Mr Fox?</i>	[St4] Pukul berapa Datuk Harimau?
[Ss5] <i>hide-and-seek</i>	[St5] main sembunyi-sembunyi
[Ss6] <i>tweet</i>	[St6] kicau/ciap

Ernest (1998) memberikan pendefinisan ‘sosial’ sebagai kelompok manusia yang terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan bersama, manakala Jacobs (2004) melihat ‘sosial’ sebagai sesuatu yang dibangunkan dalam lingkungan hidup manusia dari segi interaksi, simbol, nilai dan norma mereka. Dalam konteks kajian ini, kategori sosial yang dianalisis adalah berkaitan dengan permainan tradisi.

Kesamaan dinamik atau fungsian banyak berlaku dalam item budaya yang melibatkan sosial masyarakat Melayu (permainan tradisional). Sebagai contoh, [Ss1] ‘*five stones*’ atau ‘*jack stones*’ diterjemahkan sebagai [St1] ‘batu seremban’ kerana konsep permainan

kedua-duanya adalah sama iaitu memerlukan lima anak batu untuk dilambungkan oleh para pemainnya. Dalam hal ini, praktis permainannya adalah sama di setiap ceruk di dunia, cuma yang membezakan ialah nama yang berlainan bagi permainan tersebut mengikut ciri linguistik bahasa sasaran.

[Ss2] '*hopscotch*' dan [Ss5] '*hide-and-seek*' menggunakan ketersediaan padanan satu lawan satu yang diterjemahkan menjadi [St2] 'permainan ketinggian' atau 'main teng-teng' dan [St5] 'main sembunyi-sembunyi'. Justifikasi pemindahan makna daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu ini adalah sama seperti di atas, iaitu permainan tradisi yang dimainkan di seluruh dunia sebenarnya adalah sama dari segi praktiknya. Perkara yang membezakan ialah nama baharu bagi permainan tersebut dalam bahasa sasaran masing-masing.

Walau bagaimanapun, domestikasi tetap dikira sebagai strategi yang sesuai untuk menterjemah sesetengah permainan tradisional seperti dalam contoh [St4] 'Pukul berapa Datuk Harimau?' yang menggunakan elemen tempatan 'harimau' sebagai menggantikan 'Mr. Wolf' atau 'Mr. Fox' dalam [Ss4] '*What's the time Mr Wolf?*' atau '*What time is it Mr Fox?*'. Hal ini kerana 'harimau' ialah lambang haiwan tradisi tempatan yang berani dan kuat serta banyak mewarnai kesusasteraan Melayu seperti dalam cerita kanak-kanak 'Sang Kancil dengan Harimau', 'Kisah Raja harimau dan Tikus', 'Pekasam Mata Harimau' dan banyak lagi.

Terbaharu ialah [Ss6] '*tweet*' hasil ledakan teknologi maklumat secara global yang mengubah aktiviti sosial perhubungan dan jaringan sesama manusia menggunakan wahana 'Tweeter'. Usaha pihak Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memberikan nafas tempatan kepada ciptaan Revolusi 4.0 ini menjadi [St6] 'kicau' atau 'ciap' sangat mengagumkan kerana menggunakan elemen tempatan bunyi kicau atau ciapan burung yang menyamai bunyi onomatopeia burung dalam budaya Inggeris (tweet).

Secara kesimpulannya, strategi penterjemahan untuk permainan tradisional lebih kepada pemahaman penterjemah tentang persamaan konsep dan praktis permainan tersebut dalam mana-mana masyarakat

di dunia. Yang membezakan cuma nama yang berlainan bagi permainan tersebut dalam bahasa sasaran mengikut ciri linguistik bahasa yang ingin diterjemahkan.

## **Rumusan**

Kesemua contoh dan penerangan di atas jelas menunjukkan bahawa item-item budaya di dunia ini sebenarnya merupakan pencontoh (*template*) bagi penterjemah untuk memindahkan kata budaya asal kepada kata budaya sasaran yang merentasi masa, ruang, dan persekitarannya. Pengkaji yakin bahawa pensejagatan berdasarkan domestikasi dan kesamaan fungsian sejadi yang terdekat yang diterapkan dalam proses penterjemahan kata budaya mampu menghubungkan dunia melalui aspek sosiobudaya ini. Atas sebab itulah, penterjemahan dilihat sebagai saluran untuk merapatkan dan meraikan jurang perbezaan budaya di dunia. Setidak-tidaknya, penterjemahan kata budaya secara betul akan mengubah fenomena ketidakbolehterjemahan dan digantikan dengan satu tahap atau peringkat kebolehterjemahan teks.

Walaupun kajian tentang konsep kesejagatan dalam penterjemahan sudah pun dilakukan di barat, namun masih belum ada yang meneroka konsep sedemikian di Malaysia. Justeru itu, kajian ini diharap dapat menjadi perintis awal dalam penyelidikan tentang kesejagatan dari perspektif penterjemahan di negara ini. Kajian ini juga tidak bertujuan membuat generalisasi bahawa kesemua kata budaya di dunia ini bersifat sejagat. Sebaliknya, kajian awal ini akan membuka ruang bagi penterjemah dan penyelidik di Malaysia agar dapat mengembangkan lagi cabang ilmu dalam penterjemahan seperti mengembangkan lagi penyelidikan bagi kategori budaya yang lain, selain memberikan isyarat kepada penutur bahasa ibunda bahawa bahasa Melayu juga mampu menzahirkan 'ketidakbolehterjemahan' kata budaya asing mengikut strategi domestikasi dan kesamaan fungsian sejadi yang terdekat.

## **Bibliografi**

- Arthurson, K. & Jacobs. K. (2004). *A critique of the concept of social exclusion and its utility for Australian social housing policy. Australian Journal of Social Issues.*
- Baker, Mona. (1992). *In other words: A coursebook on translation.* London: Routledge.
- Bromley, K.D. (1992). *Language arts: Exploring connections (2nd ed).* Boston: Allyn and Bacon.
- Brown, D.E. (1991). *Human universals.* New York: McGraw-Hill.
- Catford, John C. (1965). *A linguistic theory of translation: An essay on applied Linguistics.* London: Oxford University Press.
- Chesterman, A. (2006). "Interpreting the meaning of translation". Dlm. M. Suominen, et al. (eds) 2005. *A Man of Measure. Festschrift in Honour of Fred Karlsson on his 60th Birthday.* Turku: Linguistic Association of Finland, pp. 3–11.
- Chesterman, A. (2014). "Translation studies forum: Universalism in translation studies". *In Reflections on Translation Theory Selected papers 1993 – 2014.* John Benjamins Publishing Co., pp. 295-303.
- Collins, A.Y. (2000). *Cosmology and Eschatology in Jewish and Christian Apocalypticism.* Brill/Leiden/Boston/Koln.
- Ernest, P. (1998). *Social constructivism as a philosophy of Mathematics.* Albany, New York: SUNY Press.
- Jakobson, Roman. (1959). 'On linguistic aspects of translation', in R. A. Brower (ed.) *On Translation,* Cambridge, MA: Harvard University Press, pp. 232-39.
- Kuklick, Henrika. (2009). *New history of anthropology.* UK: Blackwell Publishing Ltd.
- Nederveen, P. J. (2015). *Globalization and culture: Global Melange.* Lanham: Rowman & Littlefield.



- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. Hemel Hempstead: Prentice Hall International.
- Nida, Eugene A. (1964). *Towards a science of translating*. Leiden: E. J. Brill.
- Sandrini, P. (2006). *LSP Translation and globalization*. In: Gotti, Maurizio: Šarčević.
- Susan (eds): *Insights into specialized. Translation. Linguistic insights 46*. Bern Berlin Frankfurt: Peter Lang.
- Schwarz, B. (2002). *Translation in a confined space - Film subtitling with special reference to Dennis Potter's "Lipstick on Your Collar" Part 1*. translationjournal.net/journal/22subtitle.
- Venuti, L. (1995). *The translator's Invisibility*. New York: Routledge.
- Vermeer, H.J. (2000). *Skopos and commission in translational action*. Dlm. L. Venuti (ed.). *The translation studies reader* (pp. 221-232). London: Routledge.
- Vinay, J.P. and J. Darbelnet. (1995). *Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation*. Translated by J. C. Sager and M. J. Hamel, Amsterdam / Philadelphia: John Benjamins.
- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu*. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.

**Dalam talian:**

- <http://lamanweb.dbp.gov.my>  
<https://www.collinsdictionary.com/>  
<https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/>  
<https://www.merriam-webster.com/>